

Betulkan kesalahan penggunaan kata yang bercetak tebal.

Saujana Mata Memandang

Dahlia teruja setiap kali tibanya musim cuti persekolahan. Dia akan pulang ke kampung neneknya di Kuala Kedah.

Sawah terbentang luas saujana mata **menengok** di sekeliling rumah nenek Dahlia. Kampung ini **dekat** daripada hiruk-pikuk kesibukan kota. Udaranya **sedap** dan nyaman. Pemandangan padi yang menguning pula sungguh **jelita**.

Kampung nenek Dahlia **hilang** daripada pencemaran. Bukit bukau **di atas** kampung masih terpelihara. Belum ada tanda bukit bukau itu akan diterokai oleh sesiapa.

Bagi Dahlia, masa terasa sangat **lekas** berlalu ketika berada di kampung neneknya. Dia belum puas menikmati alam semula jadi yang indah dan **senang** di situ.

1.	menengok	memandang
2.	dekat	
3.	sedap	
4.		indah
5.	hilang	
6.		di sekeliling
7.	lekas	
8.		permai

Seret perkataan di atas bagi
melengkapkan pantun dengan tepat.

bersama-sama

cantik

kolam

bakau

alam

rendah

mempesonakan

indah

Jemur sepatu di perdu mempelam,
Pasang pelita di perdu delima;
Sungai itu anugerah _____,
Marilah kita jaga _____.

Burung jelatik jinak di tangan,
Terbangnya _____ hinggap di telaga;
Tasik nan _____ indah pandangan,
Tempat riadah seisi keluarga.

Berenang-renang si anak ikan,
Bunga kiambang subur di _____
Tasik tenang lagi _____,
Burung terbang mesranya alam.

Pokok _____ akarnya tunjang,
Tumbuhnya rendah lebat berdahan;
Bukit bukau beralun dipandang,
Alangkah _____ ciptaan Tuhan.

